

## **JANGAN DIRENUNG LETIHNYA USAHA, TAPI RENUNGLAH MANISNYA KEJAYAAN**

Sesungguhnya selagi roh masih diizinkan olehNya untuk berada didalam jasad, selagi itulah takdirNya adalah suatu teka teki yang tiada berpenghujungnya.. Cuma kita perlu berusaha dan terus berusaha, tetapi jangan lupa pada takdirNya.

Jangan hanya menyerahkan pada takdirNya semata-mata kerana itu tanda orang yg malas berusaha. Dan jangan hanya bergantung semata-mata dengan usaha kerana itu tanda orang yg angkuh terhadap Yang Maha Esa. Tetapi berusahalah disamping bertawakal kepadaNya yakni berusaha seiring menyerahkan kepada Allah untuk menentukannya. Dari sini bermula lahirnya sifat redha didalam jiwa.

Kalau di fikirkan lelahnya mungkin langkahnya terhenti begitu sahaja. Kalau ada yg sedang berusaha. Jangan pernah berhenti, Kejayaan akan datang apabila sudah tiba masanya.

### TANYA DIRI

Sekuat mana kita BERUSAHA untuk ke arah yang di impikan ? Sudah sehabis bersungguhkah usaha kita itu untuk mencapai impian.

Usah direnung LETIHNYA BERUSAHA. Tapi renunglah MANISNYA KEJAYAAN BILA SUDAH di TEMPA.

***~ Hai orang-orang yang beriman, ruku'lah kamu, sujudlah kamu, sembahlah Tuhanmu dan perbuatlah kebajikan, supaya kamu mendapat kemenangan ~***